

KGB: Pemuda akan hantar bantahan kepada kerajaan

ALUR SETAR, Jumaat — Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Encik Anwar Ibrahim, akan mengemukakan bantahan rasmi kepada kerajaan Isnin ini untuk bertindak mengusir tiga orang kakitangan Kedutaan Russia di Kuala Lumpur yang dikatakan perisik KGB, jika tuduhan itu didapati benar.

"Mereka perlu dikeluarkan segera dari negara ini jika didapati mereka benar-benar perisik Russia," katanya.

Encik Anwar berkata perkara seperti itu tidak boleh dipandang ringan kerana ia bertentangan dengan perjanjian mereka, iaitu tidak boleh merisik.

Encik Anwar yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Pemuda Umno bahagian Alur Setar di sini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan majalah Asiaweek bahawa gerakan tentera Russia dan diplomatik di Asia Tenggara disokong oleh rangkaian perisik Russia di kedutaan-kedutaannya.

Majalah itu juga mendedahkan nama-nama kakitangan Russia di beberapa ibu negara ter-

Oleh FARUSH KHAN

masuk Kuala Lumpur yang majalah itu tahu sebagai perisik.

Encik Anwar berkata Pemuda Umno juga pernah meminta kerajaan segera meneliti kedudukan kakitangan Kedutaan Russia di negara ini bagi mengurangkan bilangan mereka.

"Surat mengenai seruan kita itu akan dikemukakan kepada kerajaan Isnin ini," katanya.

Mengenai ugutan Timbalan Menteri Luar Russia, Mikhail Kapitsa, terhadap negara-negara Asean, Encik Anwar berkata ugutan itu bukanlah perkara ringan seperti yang dianggapkan oleh setengah-setengah pihak.

"Sebagai bangsa yang mempunyai maruah dan harga diri, kita tidak akan membiarkan kenyataan biadab seperti itu dikeluarkan oleh mana-mana negara terhadap kita," katanya.

Menurutnya, Russia sebagai 'beruang besar' menganggap negara-negara kecil mesti tunduk kepada kehendak mereka dan akan mengugut kalau ini dibantah.

"Saya ingin menjawab ugutan itu bahawa kita adalah bangsa yang bermaruah dan akan mempertahankan negara kita dari sebarang ancaman," katanya.

Katanya jika negara ini mengubah dasar luarnya semata-mata mengikut kehendak negara asing ia cuma akan mengkhianati perjuangan pemimpin-pemimpin terdahulu dan mandat dari rakyat.

Beliau mengingatkan seluruh Pemuda Umno dan rakyat supaya bersiap sedia dari sekarang untuk mempertahankan maruah bangsa tanpa bertanggung-tanggung.

Parah

"Kita ingin memberitahu Russia walaupun kita kecil tetapi jika mereka cuba mencetuskan sesuatu, pengalaman mereka dengan kita akan menjadi satu pengalaman paling parah dalam sejarah," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Luar, Encik Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata di Kuala Lumpur, Kerajaan Malaysia adalah sebuah kerajaan terbuka dan dengan itu beliau tidak memahami mengapa 'ada pihak yang membuang masa untuk menjalankan kegiatan mengintip di sini.'

Katanya kerajaan sentiasa percaya bahawa keadaan antarabangsa yang semakin meruncing sekarang disebabkan sebahagian besarnya oleh keghairahan kuasa-kuasa besar bertanding untuk meluaskan pengaruh.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia